

Newspaper	Berita Harian
Date	1 December 2015

PM yakin ringgit kembali stabil

BH-1/12/2015

» Langkah strategik bina daya tahan ekonomi negara dilaksana

Oleh Nazura Ngah dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak yakin langkah strategik yang dilaksanakan kerajaan bagi membina daya tahan kedudukan ekonomi negara akan kembali menstabilkan ringgit.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan aliran penyusutan nilai ringgit dilihat mula ber-

ubah dan kembali mengukuh kepada 3.8 peratus bagi tempoh 1 Oktober hingga 20 November lalu.

Laksana inisiatif khusus

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan sudah melaksanakan beberapa inisiatif khusus bagi menangani ketidakpastian ekonomi dunia yang memberi kesan langsung kepada negara sekiranya masalah itu kekal berpanjangan.

Katanya, antara langkah itu termasuklah transformasi ekonomi dengan mengurangkan ketergantungan pada sektor komoditi yang kini hanya menyumbang sebanyak 18 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

“Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti dan agensi lain membangunkan pasaran modal de-

ngan mengembangkan pasaran bon tempatan, yang memastikan risiko dedahan pergerakan mata wang berada pada tahap minimum.

“Pasaran bon dalam mata wang tempatan turut membantu syarikat menguruskan dedahan mereka terhadap turun naik mata wang asing dan risiko berkaitan, sekali gus mempelbagaikan sumber ekonomi dan mengurangkan pergantungan kepada sektor perbankan.

“BNM juga mengumpul rizab bagi membina penampan bagi mengimbangi turun naik berlebihan kadar pertukaran pada tempoh kebalikan modal ketika ini. Penampan ini lebih daripada lapan kali jumlah import, melebihi kelaziman antarabangsa iaitu tiga bulan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis bagi

menjawab soalan lisan Ahmad Marzuki Shaary (PAS-Bachok) yang bertanyakan tindakan kerajaan apabila Gabenor Bank Negara mendakwa kejatuhan nilai ringgit akibat isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri berkata, penyusutan nilai ringgit dari September 2014 hingga awal Oktober lalu sebanyak 23.6 peratus didorong faktor luaran, selain mata wang serantau turut menyusut antara 3.7 peratus sehingga 17.8 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Catat lebih RM54 bilion

Katanya, inisiatif dilaksanakan kerajaan berjaya mengimbangi dagangan negara apabila mencatatkan lebih RM54 bilion dari Januari hingga Ogos lalu, manakala pasaran bon tempatan berkembang 95.3 peratus daripada KDNK pada suku kedua tahun ini.

Najib berkata, langkah bersepadu yang diambil bagi mengurangkan kesan penyusutan nilai ringgit terhadap masyarakat, khususnya dalam Bajet 2016 diyakini akan terus memelihara kebajikan rakyat.